

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Ringgit berpotensi terus kukuh, OPR dijangka kekal

Ringgit berpotensi terus kukuh, OPR dijangka kekal

Keputusan Fed perlahangkan kenaikan kadar faedah beri isyarat positif

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Keputusan bank pusat Amerika Syarikat (AS), Rizab Persekutuan (Fed) memperlahangkan kenaikan kadar faedah memberi isyarat positif kepada ringgit, di samping meningkatkan lagi kemungkinan Kadar Dasar Semalam (OPR) dikekalkan sepanjang tahun ini.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata langkah Fed melaksanakan kenaikan lebih sederhana kadar faedah memberi kesan baik kepada ringgit dan mata wang dunia yang lain kerana ia memberhentikan aliran modal ke pasaran bon AS.

Selain itu, katanya, kenaikan kecil 0.25 per-

tus diumumkan Fed memberikan petunjuk bahawa kenaikan kadar faedah sudah hampir mencapai matlamat yang diinginkannya.

Beliau berkata, ia menunjukkan bahawa kadar inflasi di negara itu mulai susut dan ekonominya juga turut perlahan, justeru kenaikan tinggi kadar faedah yang berterusan dikhawatiri akan mengheret ekonomi besar dunia itu kepada kemelesetan ekonomi, sekali gus boleh menjelaskan pertumbuhan seluruh dunia.

"Namun, Fed tidak menafikan kadar faedah yang kini berada pada 4.75 peratus akan dinaikkan juga, walaupun pada kadar yang kecil sekitar 0.25 peratus lagi dalam tahun ini.

"Ia memberikan kesan yang baik kepada nilai mata wang ringgit dan mata wang dunia yang lain kerana ia memberhentikan aliran modal ke pasaran bon AS," katanya kepada BH, ketika dihubungi semalam.

Aimi Zulhazmi berkata, pengurus dana juga akan kembali ke pasaran ekuiti negara-negara membangun, termasuk Malaysia untuk mengambil peluang pelaburan pemulihian ekonomi selepas pandemik COVID-19 berlalu.

"Pembukaan ekonomi China turut membantu kepesatan pemulihian ekonomi di rantau Asia umumnya, termasuklah Malaysia. Kedua-dua faktor ini memberikan nilai berganda," katanya.

• Pengurus dana juga akan kembali ke pasaran ekuiti negara-negara membangun, termasuk Malaysia untuk mengambil peluang pelaburan pemulihian ekonomi selepas pandemik COVID-19 berlalu •

*Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,
Penganalisis ekonomi UniKL Business School*

Jangka OPR kekal

Sementara itu, Kenanga Research menjangkakan OPR akan kekal tidak berubah pada 2.75 peratus untuk sepanjang tahun ini bila pun pendirian Fed yang *hawkish* atau kelebihan kekal cenderung menaikkan lagi kadar faedah.

Ia percaya bahawa keputusan mengejut Bank Negara Malaysia (BNM) tidak menaikkan OPR dalam mesyuarat Jawatankuasa Dara Monetari (MPC) terakhirnya bulan lalu adalah isyarat untuk menghentikan kitaran normalisasi semasa yang bermula pada Mei tahun lalu.

"Walaupun keputusan Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) dan isyarat *hawkish* yang konsisten daripada Pengerusi Fed, kami percaya bank pusat Malaysia berkemungkinan akan mengekalkan OPR tidak berubah pada 2.75 peratus untuk sepanjang tahun ini.

"Melangkah ke hadapan, kemungkinan keputusan perubahan kadar bergantung, terutama pada arah aliran inflasi dan prospek pertumbuhan, serta sebarang keputusan dasar fiskal utama yang dibuat oleh kerajaan," katanya dalam satu nota penyelidikan.